

**KORUPSI DAN PEMBANGUNAN:
KAJIAN KES TENTANG RASUAH DI MALAYSIA**

OLEH

**KAMARUDIN BIN ARIM
(EGCX 01020)**

**KERTAS PENYELIDIKAN YANG
DIKEMUKAKAN KE
FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN,
UNIVERSITI MALAYA BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARI KEPERLUAN UNTUK KURSUS
SARJANA PENTADBIRAN AWAM**

MAC 2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511706737

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ALLAH s.w.t yang telah memberikan saya kekuatan serta kesabaran dalam usaha untuk menyelesaikan tugas Kertas Penyelidikan, EPGB 2181 ini. Sebenarnya, saya berasa amat bertuah kerana kejayaan saya ini adalah juga hasil dari nasihat, pandangan serta tunjuk ajar yang diberikan oleh pelbagai pihak.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu **Prof. Dr. Norma Mansor** yang telah banyak memberikan bimbingan dan sumbangan idea yang bernas serta komen yang membina dari mula sehingga selesainya penyediaan Kertas Penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Encik Zulkifli Yaacob dari Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Abdul Samat Kasah dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia, Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) yang telah banyak memberikan maklumat, pandangan dan komen yang berharga bagi menyokong tajuk yang saya kemukakan bagi Kertas Penyelidikan ini.

Akhir sekali, terima kasih juga dihulurkan kepada isteri (Mariani Abdullah) dan anak-anak (Ellia Fazilah dan Abdul Aziz) yang amat memahami tugas yang perlu dipikul oleh saya sebagai seorang ayah, pelajar dan juga kakitangan awam. Kesabaran dan sokongan mereka amatlah dihargai sehingga akhirnya saya berjaya menyelesaikan tugas Kertas Penyelidikan, EPGB 2181 ini.

Sekian.

**Kamarudin Bin Arim
Sarjana Pentadbiran Awam
Universiti Malaya (Mac 2004)**

ABSTRAK

Campur tangan kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara dibuat bagi memastikan pembangunan negara berjalan lancar dan juga memastikan sumber kewangan yang diperuntukkan digunakan secara berhemah. Persoalannya ialah, sejauh manakah ketelusan di pihak kerajaan di dalam pemberian projek-projek pembangunan kepada pihak korporat? Adakah mereka perlu memasuki tender terlebih dahulu atau terus mendapat projek tersebut melalui *direct negotiation*? Perkara ini menjadi lebih serius sekiranya terdapat *political business* atau *political patronage* di dalam pembangunan ekonomi negara. Secara tidak langsung, ini telah memberikan wajah baru kepada senario rasuah di dalam negara. Jika dulunya rasuah diberi sebagai satu bentuk suapan kepada penjawat awam, tetapi sekarang, istilah-istilah seperti *cronyism* dan *nepotism* telah menjadi satu bentuk rasuah yang semakin popular di negara-negara seperti Indonesia, Filipina, India dan sebagainya.

Persoalannya sekarang ialah, kesan dari campur tangan kerajaan, adakah wujudnya pertalian yang erat di antara pembangunan dan rasuah di dalam pembangunan negara Malaysia? Justeru itu, kajian ilmiah ini akan cuba menganalisa perkara tersebut dengan mendapatkan pandangan dan cadangan dari pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Badan Pencegah Rasuah Malaysia dan juga dari Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, borang-borang soal selidik juga diedarkan kepada pegawai dan kakitangan dari pelbagai peringkat perjawatan di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) bagi mendapatkan persepsi mereka mengenai dasar pembangunan negara, peranan kerajaan di dalam pembangunan negara, kesan campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara, kaitan di antara pembangunan dan rasuah di Malaysia, maksud sebenar *political business* atau *political patronage* serta harapan mereka terhadap langkah pencegahan rasuah di negara ini. Pemilihan KTKM sebagai

sampel kajian adalah berdasarkan kepada pengalamannya yang luas sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam pembangunan sektor komunikasi dan multimedia, serta juga di sektor tenaga negara.

Seterusnya, kajian kes yang cuba diketengahkan bagi menyokong tajuk kertas kajian ini pula meliputi kes-kes rasuah yang telah diputuskan oleh mahkamah sejak di zaman Datuk Haji Harun Idris sehingga keadaan kes-kes rasuah terkini yang melibatkan beberapa orang tokoh politik tanahair serta juga pegawai tinggi kerajaan. Kes-kes rasuah berkenaan akan dianalisa secara mendalam bagi mengenalpasti sejauh manakah kesan dari pembangunan pesat negara telah mengakibatkan seseorang penjawat awam maupun tokoh politik tertentu menjadi kabur mata dan seterusnya hilang pertimbangan sehingga sanggup mengenepikan amanah yang diberikan rakyat kepada mereka dengan mengamalkan politik wang (untuk memastikan kedudukan politik tidak tergugat), menyalahgunakan kuasa demi untuk kepentingan diri, keluarga (nepotisme) dan sahabat handai (kronisme), mengamalkan hidup bermewah-mewah dan sebagainya. Dari kes-kes rasuah tersebut juga, kertas kajian ini cuba untuk menunjukkan sejauh manakah ketelusan yang diperlakukan oleh Badan Pencegah Rasuah serta Badan Kehakiman dalam usaha untuk menangani permasalahan rasuah di dalam negara serta mengenakan hukuman yang setimpal ke atas kesalahan rasuah yang dilakukan tanpa mengira pangkat, darjah dan status seseorang.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN ii

ABSTRAK iii

KANDUNGAN v

BAB 1:

PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Dan Objektif Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	9
1.4 Masalah Dan Batasan Dalam Kajian	11
1.5 Kaedah Kajian	14
1.6 Ringkasan Bab	16

BAB 2:

PEMBANGUNAN

2.1 Pengenalan Kepada Konsep Asas Pembangunan	18
2.2 Definisi Pembangunan	24
2.3 Indikator / Petunjuk Pembangunan	30
2.4 Rasional Diperlukan Pembangunan	31
2.5 Kajian-Kajian Mengenai Pembangunan	34
2.6 Campur Tangan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara	43
2.7 Formula Pembangunan Negara Malaysia	49
2.8 Kejayaan Pembangunan Negara Malaysia	56
2.9 Kritikan-Kritikan Terhadap Pembangunan Negara Malaysia	65

**2.10 Kesan Campur Tangan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara
Malaysia:**

i. Kewujudan Kelas Menengah Melayu (Malay Middle Class);	73
ii. Kewujudan Kelas Kapitalis Melayu;	75
iii. UMNO <i>Political Hegemony</i> ; dan	80
iv. Kewujudan Kronisme Dalam Politik Melayu.	84

**BAB 3:
RASUAH**

3.1 Pengenalan Kepada Konsep Asas Rasuah	95
3.2 Definisi Rasuah	98
3.3 Bentuk-Bentuk Rasuah	112
3.4 Kajian-Kajian Mengenai Rasuah	113
3.5 Punca Utama Jenayah Rasuah	123
3.6 Apakah Itu Kesalahan Rasuah?	126
3.7 Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia	128
3.8 Persoalan Rasuah Di Malaysia	136
3.9 Kesan Dan Akibat Rasuah (Hubungkait Dengan Faktor Lain)	142
3.10 Kajian Kes Rasuah Di Malaysia	147

BAB 4:
ANALISA HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan	175
4.2 Profail Responden	176
4.3 Analisa Hasil Kajian Berdasarkan Kepada Faktor-Faktor Berikut:	
i. Dasar Pembangunan Negara	178
ii. Peranan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara	180
iii. Campur Tangan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara	182
iv. Pembahagian Projek Pembangunan Negara	188
v. Unsur-Unsur Kronisme Dan Nepotisme Di Dalam Pembangunan Negara	190
vi. Definisi Rasuah	193
vii. Punca Berlakunya Rasuah	195
viii. Sifat “Positif” Rasuah	202
ix. Kaitan Di Antara Rasuah Dan Pembangunan	203
x. <i>Political Business / Political Patronage</i>	205
xi. Langkah-Langkah Pencegahan Rasuah Dan Salahguna Kuasa	208
xii. Masa Depan Negara Malaysia	210

BAB 5:
PENUTUP DAN CADANGAN

5.1 Penutup	213
5.2 Cadangan	222

BIBLIOGRAFI	226
LAMPIRAN A: Borang Soal Selidik	246
LAMPIRAN B:	
Senarai Soalan Semasa Sesi Wawancara Bersama	
Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia	251
LAMPIRAN C:	
Senarai Soalan Semasa Sesi Wawancara Bersama	
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri	252
LAMPIRAN D:	
Senarai Soalan Semasa Sesi Wawancara Bersama	
Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim,	
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri	253